

# Harun nafi anggap Mahathir sebagai 'diktator'

UM 18 MAY 1984

IPOH 17 Mei — Naib Presiden UMNO, Dato' Harun Haji Idris hari ini menegakkan bahawa beliau tidak pernah menganggap Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad seburuk yang dilaporkan oleh sebuah majalah luar negeri.

Beliau menafikan laporan majalah tersebut yang menyatakan beliau mentohmah Perdana Menteri Malaysia sebagai "diktator" dalam satu temuramah baru-baru ini.

Ketika ditemui di sini, Dato' Harun mensifatkan laporan itu sebagai "tidak bertanggungjawab" dan "bertujuan memutarbelitkan isu dengan niat jahat".

"Saya amat terkejut dengan laporan itu dan saya percaya ia discngajakan. Sikap setengah-setengah media massa di luar negeri sudah diknali menimbulkan perkara-perkara yang kontroversial mengenai Malaysia dan pemimpinnya. Saya amat kesal dengan keadaan ini," tegasnya.

Tambah beliau. "adalah keterlaluan laporan itu kata



DATO' HARUN

saya mentohmah Perdana Menteri diktator kerana sebenarnya perkataan itu tidak pernah terkeluar dari mulut saya."

Beliau lalu meminta sc- rua pihak, terutama ang- gota UMNO supaya tidak melctakkan sesuatu yang terlalu negatif kepadanya berhubung dengan angga- pan "diktator" yang tidak pernah ditujukannya kepada Perdana Menteri.

"Itulah harapan saya, ke- rana pendirian saya adalah tegas dan tidak pernah

menganggap pemimpin par- ti seburuk itu," tegasnya.

Mengenai jawatan Tim- balan Presiden pula, Dato' Harun Idris berkata keputu- sannya untuk bertanding- gungjawab adalah dengan diri kepada Tuhan dengan konsep untuk menolong memperbaiki jurang perpe- cahan dalam parti yang se- makin serius.

"Adalah tidak dinafikan adanya perpecahan yang se- dang melanda UMNO yang patut dielakkan, agar semua- jtenaga parti mempunyai satu matlamat dan satu hakikat," katanya.

Dato' Harun memberi- tahu, keputusannya ber- handing "kerusi nombor dua" UMNO itu khusus un- tuk menolong memecahkan masalah yang sedang ber- laku dalam parti.

Dato' Haji Harun mene- ti seburuk itu," tegasnya.

gaskan, memandangkan keadaan-keadaan yang timbulah beliau dengan penuh insaf dan atas tang- gungjawab mengabdikan diri kepada Tuhan dengan menawarkan diri kepada perwakilan di perhimpunan agung 25 Mei ini membuat pilihan.

Beliau berpegang teguh dengan konsep pemisahan kuasa politik dan kuasa pe- laksanaan peringkat pemim- pin "nombor dua" UMNO sebagai cara untuk meme- cahkan masalah parti.

Beliau bertanya, jika kea- daan itu terus berpanjangan apa akan jadi kepada parti, bangsa dan negara.

## Harapan

"Adalah tidak boleh di- nafikan sama sekali tentang adanya perpecahan antara golongan Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam. Jika dibiarkan sam- pai ke mana keadaan itu perginya," tanya beliau.

UMNO, tambah Dato' Haji Harun, menjadi hara- pan rakyat dan bangsa Me- layu, tetapi UMNO sendiri tidak dapat memenuhi hara- pan itu sekiranya ia berpe- dah belah dan berbalah.

Beliau berkata, perbala- han serius itu sudah berla- rutan tiga atau empat tahun kebelakangan.

"Apa akan jadi kepada parti, bangsa dan agama kita kalau penyelesaian ti- dak dibuat. Memadailah perpecahan wujud di ka- langan orang Melayu,"

semata-mata perbezaan fa- rama pendirian saya adalah haman politik sahaja," kata beliau.